

27 APR 2001

Malaysia Hall-Ubahsuai

PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN MALAYSIA HALL BERMULA

Oleh: Zaharah Othman

LONDON, 27 April (Bernama) -- Malaysia Hall telah ditutup sementara bagi membolehkan kerja-kerja pengubahsuaian dan pembaikan di jalankan berikutan tempoh pajakannya akan tamat September ini.

Perancangan sedang dibuat untuk menggantikan kantinnya dengan sebuah kafeteria dan pengujung tetapnya kini perlu mencari tempat alternatif untuk mendirikan solat Jumaat berikutan bangunan itu tidak lagi menyediakan kemudahan seumpama itu.

Jumaat lepas (20 April) menandakan hari terakhir Malaysia Hall membuka pintunya bagi solat Jumaat.

Penutupan sementara bangunan-bangunan bernombor 46 dan 47 itu, yang dikenali sebagai Malaysia Hall, bermula lima hari lepas dengan fasa pertama kerja-kerja pembaikan besar-besaran yang dijangka akan mengambil masa empat atau lima bulan.

Kerja-kerja pengubahsuaian utama akan dilakukan di bangunan-bangunan 44 dan 45 yang menempatkan kantin dan pejabat, sebelum ia diserahkan semula kepada pemegang pajak.

"Kantin akan terus menyediakan perkhidmatan kepada pelanggannya sehingga akhir Julai. Kafeteria, apabila beroperasi kelak, diharapkan pada Oktober, tidak akan menjual makanan yang dimasak di premis kerana tiada kemudahan untuk memasak," kata Dr Kamarudin Mohamed Nor, Pengarah Jabatan Pelajar Malaysia.

"Memasak secara kecil-kecilan, seperti memanaskan roti canai boleh dilakukan," katanya.

Kafeteria itu akan terletak di Great Hall, tempat perhimpunan pelajar dan masyarakat Malaysia di Britain semasa lawatan-lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan pemimpin-pemimpin lain.

Satu penghadang akan dipasang bagi memastikan Great Hall apabila digunakan akan dipisahkan daripada kafeteria itu.

Dr Kamarudin berkata telah diputuskan bahawa proses untuk mengosongkan tempat itu akan dijalankan lebih awal daripada tempoh pajakannya berakhir. Premis itu akan dikosongkan menjelang 1 Ogos.

"Sejak penutupan sementara pada 21 April (bangunan 46 & 47), jabatan itu telah menjalankan pemeriksaan inventori dan kerosakan pada bangunan itu, Kontraktor akan dipelawa memberikan sebutharga mereka bermula Mei," katanya

Fasa pertama pengubahsuaian akan bermula dengan pembaikan di bilik sembahyang yang telah menyaksikan antara lain Sultan Brunei sebagai jemaahnya semasa lawatannya ke London. Bilik sembahyang yang baru, bagaimanapun, lebih kecil.

Bermula hari ini, 27 April, solat Jumaat akan diadakan di Seymour Leisure Centre, yang berdekatan yang dianjurkan oleh Al-Huda, sebuah pertubuhan Islam yang turut dianggotai oleh beberapa warga Islam Malaysia.

-- BERNAMA

ZO AHH RHM